

**ADUN Sukau Umum Tanding Ketua Umno Bahagian Kinabatangan  
Bernama  
13 Sept, 2013**

SANDAKAN, 13 Sept (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Sukau Datuk Saddi Abdul Rahman hari ini mengumumkan bertanding jawatan Ketua Umno bahagian Kinabatangan yang kini disandang Anggota Parlimen Kinabatangan Datuk Bung Moktar Radin.

Beliau membuat pengumuman itu ketika berucap pada mesyuarat cawangan Umno Kampung Perpaduan Batu Putih 1 di sini yang dirasmikan Naib Ketua Umno bahagian Kinabatangan Azman Mastar.

Saddi, ketua cawangan Umno kampung itu berkata dia membuat keputusan itu selepas mengambil kira maklum balas daripada ketua-ketua cawangan Umno bahagian Kinabatangan.

"Saya telah membuat kajian dan analisis bagi mendapatkan maklum balas daripada 187 ketua cawangan sama ada mereka mahukan perubahan pada pucuk pimpinan Umno bahagian Kinabatangan.

"...116 daripada mereka menyatakan mahu perubahan dan berasaskan analisis itu saya hari ini mengumumkan jawatan Ketua Umno bahagian Kinabatangan," katanya.

Beliau berkata keputusan itu bukan bertujuan menimbulkan perpecahan di bahagian itu tetapi sejajar dengan amalan demokrasi dalam Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977555>